

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELATIH KEM PLKN SRI MUTIARA, BALIK PULAU, PULAU PINANG KE PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3286-lawatan-sambil-belajar-pelatih-kem-plkn-sri-mutiara-balik-pulau-pulau-pinang-ke-pangkalan-udara-butterworth

BUTTERWORTH, 5 Apr 18 – Kem PLKN Sri Mutiara, Balik Pulau, Pulau Pinang telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pangkalan Udara Butterworth. Lawatan ini telah dihadiri seramai 161 orang pelatih dan 30 orang staf PLKN. Lawatan bermula dengan sesi taklimat iaitu peranan dan organisasi pangkalan yang bertempat di Dewan Setia, Pangkalan dan seterusnya dibawa melihat pesawat dari No 3 Skn, No 15 Skn dan No 18 Skn.



